

<b>Headline</b>	<b>Mayat lelaki jatuh laut ditemukan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>19 Jul 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>140,000</b>	<b>Readership</b>	<b>420,000</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Page No</b>	<b>39</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>159 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 10,112</b>		



## Mayat lelaki jatuh laut ditemukan

MERSING - Seorang lelaki ditemui maut selepas lemas berhampiran jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Endau di sini pagi semalam.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Endau, Penolong Penguasa Bomba Mohd Alias Husin berkata, mangsa ditemui jam 9.21 pagi selepas dipercayai terjatuh ke dalam laut semalam.

"Satu jentera dari BBP Endau bersama lapan anggota diarahkan ke tempat kejadian dan operasi turut disertai dua anggota polis dan seorang Anggota Pertahanan Awam.

"Setibanya pasukan bomba dan penyelamat di tempat kejadian, terdapat seorang lelaki terjatuh ke dalam laut berhampiran Jeti LKIM Endau.

Katanya, mangsa dijumpai 300 meter dari lokasi terjatuh.

"Tiada identiti ditemui pada mangsa," katanya.

## TNB terima lebih 8,000 aduan pengguna

**METER PINTAR** MELAKA TENGAH - Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerima 8,936 aduan mengenai isu meter pintar dalam tempoh dua bulan lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kemudahan Awam, Datuk Mohd Sofi Abdul Wahab berkata, daripada jumlah itu, 4,932 aduan pada bulan Mei dan Jun diselesaikan dengan aduan tertinggi diterima dari Melaka Tengah iaitu sebanyak 6,970 aduan.

Menurutnya, antara aduan diterima termasuk pemasangan meter pintar, pengguna tidak menerima bacaan meter sebenar dan semakan meter dan kejadian meter pintar.

Mohd Sofi berkata demikian ketika menjawab soalan **Seah Shoo Chin (DAP-Kesidang)** ketika Persidangan Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 semalam.